

TAFSIRAN AMIL MENURUT ISLAM DAN NEGERI -NEGERI DI MALAYSIA

Interpretation Of Amil According To Islam And The States In Malaysia

Azman Ab Rahman^{1a*} & Muhammad Faiz Abd Shakor^{2b}

^aFakulti Syariah dan Undang-Undang dan Institut Fatwa dan Halal, Universiti Sains Islam Malaysia, 71800 Nilai, Negeri Sembilan, MALAYSIA.

Emel: azman@usim.edu.my¹

^bPembantu Penyelidik, Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia, Nilai, Negeri Sembilan, MALAYSIA.

Emel: faizshakorkisas@gmail.com²

*Corresponding Author: azman@usim.edu.my

Received: 12 January 2024

Accepted: 14 January 2024

Published: 15 January 2024

DOI: <https://doi.org/10.33102/jfatwa.vol.29no1.576>

Abstrak	Abstract
<p>Islam mengiktiraf peranan amil sebagai penghubung di antara pembayar zakat dengan asnaf. Walaupun kedudukan amil hanya tertumpu dalam aspek pengurusan zakat, namun peranan mereka mampu menjelmakan hikmah zakat terutama dalam menghapuskan kemiskinan. Jika dahulu, tugas amil hanya mengutip dan mengagihkan zakat sahaja, sebaliknya kini kemajuan sistem tadbir urus zakat telah menuntut penglibatan amil dalam pentadbiran harta zakat yang lebih kompleks dan berisiko tinggi. Oleh sebab itu, tafsiran amil perlu diperluas seiring dengan situasi dan perkembangan berdasarkan tugas mereka dalam mengendalikan pengurusan zakat. Justeru itu, kajian ini dijalankan adalah untuk menganalisis tafsiran amil menurut ulama 4 Mazhab, tafsiran kontemporari dan perluasan tafsirannya menurut Majlis Agama Islam Negeri di Malaysia. Kajian ini menggunakan kaedah dokumentasi, pemerhatian dan analisis dalam mencapai objektif kajian. Hasil kajian mendapati bahawa pentafsiran amil dalam konteks semasa boleh diperluaskan seperti individu atau institusi yang terlibat secara langsung dengan institusi zakat sama ada mengurus dan mentadbir hal ehwal pungutan,</p>	<p>Islam recognizes the role of the amil as a mediator between zakat payers and recipients (asnaf). Although the position of the amil is primarily focused on zakat management, their role can bring about the wisdom of zakat, especially in alleviating poverty. While in the past, the amil's duties were limited to collecting and distributing zakat, the advancement of zakat administration systems now requires their involvement in more complex and high-risk management of zakat assets. Therefore, the interpretation of the amil needs to be expanded in line with the situation and developments based on their tasks in handling zakat management. Hence, this study is conducted to analyze the interpretation of the amil according to the scholars of the four major Islamic schools of thought, contemporary interpretations, and the expansion of interpretations according to the State Islamic Religious Councils in Malaysia. The study employs documentation, observation, and analysis methods to achieve its research objectives. The study's findings indicate that the interpretation of the amil in the current context can be expanded to include individuals or institutions directly involved with zakat</p>

<p>pengagihan atau yang mengawasi urusan kewangan zakat. Diharapkan artikel ini dapat menjadi panduan kepada pihak pengurusan zakat khususnya Majlis Agama Islam di setiap negeri di Malaysia dalam mentadbir dan menguruskan sistem pengurusan zakat secara sistematik dan efisien.</p> <p>Kata Kunci: Tafsiran, Amil, Islam, Negeri, Malaysia</p>	<p>institutions, whether managing and administering the collection, distribution, or overseeing the financial affairs of zakat. It is hoped that this article can serve as a guide for zakat management entities, especially the State Islamic Religious Councils in each state in Malaysia, in administering and managing zakat management systems systematically and efficiently.</p> <p>Keyword (s): Interpretation, Amil, Islam, State, Malaysia</p>
------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------	-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------

1. PENGENALAN

Zakat merupakan rukun Islam ketiga yang wajib dilaksanakan oleh semua umat Islam yang memenuhi ciri-ciri yang telah digariskan oleh syarak. Kewajipan berzakat adalah sama pentingnya dengan kewajipan menunaikan solat lima waktu sehari semalam. Dalil penentuan asnaf zakat telah dinyatakan secara jelas dalam al-Quran iaitu golongan-golongan yang berhak menerima zakat seperti mana dalam surah At-Taubah ayat 60 melalui firmanNya:

إِنَّمَا الصَّدَقَتُ لِلْفُقَرَاءِ وَالْمَسْكِينِ وَالْعَمِلِينَ عَلَيْهَا وَالْمَوْلَّاتِ قُلُوبُهُمْ وَفِي الرِّقَابِ وَالْغَرَمِينَ وَفِي سَبِيلِ اللَّهِ وَأَبْنِ السَّبِيلِ فَرِيضَةً مِّنَ اللَّهِ وَاللَّهُ عَلِيمٌ حَكِيمٌ ٦٠

Terjemahan: "Sesungguhnya zakat-zakat itu, hanyalah untuk orang-orang fakir, orang-orang miskin, pengurus-pengurus zakat, para muallaf yang dipujuk hatinya, untuk memerdekakan dirinya, orang-orang yang berhutang, untuk jalan Allah dan orang-orang yang sedang dalam perjalanan, sebagai sesuatu ketetapan yang diwajibkan Allah; dan Allah Maha Mengetahui lagi Maha Bijaksana".

Secara umumnya, ayat tersebut menyatakan dengan jelas terdapat lapan golongan manusia yang berhak menerima zakat. Mereka adalah al-fuqara' (orang fakir), al-masakin (orang yang miskin), amil, muallaf yang perlu dijinakkan hatinya, al-riqab (hamba), al-gharimin (orang yang memiliki hutang), fisabilillah (orang yang berjuang di jalan Allah) dan akhirnya ibn sabil (musafir yang sedang dalam perjalanan). Justeru, ayat ini secara tidak langsung ayat ini menunjukkan dengan jelas tentang pengagihan zakat berbanding dengan masalah menentukan sumber zakat. Menurut Mahmood Zuhdi Abdul Majid (2003), perkara ini berkemungkinan terdapat cabaran dalam agihan zakat seperti salah guna kuasa serta ketirisan dalam mengagihkan zakat lebih besar berbanding menentukan sumber dan pungutan zakat. Oleh itu, pandangan ini jelas menunjukkan tugas menguruskan zakat yang dipikul oleh

para amil merupakan satu tanggungjawab dan amanah yang besar yang perlu dijaga sebaik mungkin.

2. METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif iaitu dalam bentuk pemerhatian dan analisis dokumen. Pengumpulan data secara pemerhatian dan dokumen-dokumen yang diperlukan. Data-data yang dikumpulkan melalui sumber dokumen, kitab turath, tesis, buku dan artikel yang berkaitan. Selain itu, data daripada laman sesawang juga digunakan bagi mengumpul maklumat berkaitan tafsiran amil menurut negeri-negeri. Seterusnya, pengumpulan data ini akan dianalisis secara deskriptif berpandukan kepada objektif kajian.

3. HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN

3.1. Definisi Amil Menurut Bahasa

Menurut Ibrahim Mustafa (1985) perkataan *amil* ini diambil secara langsung daripada kalimah arab yang membawa maksud pekerja (العامل). Mengikut tatabahasa arab, *amil* berasal daripada perkataan '*amala* (عمل) yang bererti kerja maka *amil* yang merupakan *isim fa'el* membawa makna orang yang bekerja di dalam bidang pekerjaannya atau perusahaannya (من يعمل في مهنته او صنعته). Menurut definis yang khusus *amil* bermaksud orang yang mengambil zakat dari pemilik harta/pemeliharanya (الذي يأخذ الزكاة من أربابها).

Amil bermaksud orang yang dipertanggungjawabkan ke atas urusan harta, pemilikan dan pekerjaan seseorang. Atas asas ini, seseorang yang ditugaskan untuk mengutip zakat digelar *amil* (Ibn Manzur, 1996). Menurut Kamus Dewan edisi keempat (2005) *amil* memberi maksud orang yang diberi tauliah (kuasa) untuk memungut zakat (dan berhak menerima zakat).

Berdasarkan definisi dari sudut bahasa yang dinyatakan di atas, dapat disimpulkan bahawa perkataan *amil* berasal daripada bahasa Arab dan ia merujuk kepada individu yang dipertanggungjawabkan ke atas urusan harta, pemilikan dan pekerjaan seseorang. Ia juga merujuk kepada seseorang yang ditugaskan untuk mengutip zakat.

3.2. Definisi Amil Menurut Empat Mazhab

Pentafsiran *amil* telah melalui perbahasan yang panjang di kalangan para fuqaha. Setiap mazhab melihat aspek yang berbeza dalam

membincangkan definisi *amil* dan menyokong pendapat mereka dengan hujah-hujah daripada al-Quran dan hadis. Pentafsiran *amil* menurut mazhab empat dapat difahami sebagaimana berikut:

3.2.1 *Mazhab Hanafi*

Amil ialah orang yang dilantik oleh imam untuk mengutip sedekah zakat lalu diberikan zakat daripada kutipan yang dijalankan sehingga mencukupi keperluan mereka dan orang yang membantu mereka. Berdasarkan pentafsiran ini, maka tugas *amil* hanya dikhususkan untuk mengutip sedekah zakat semata-mata. Ia tidak menyatakan sama sekali bahawa *amil* juga perlu mengagihkan zakat. Sebaliknya, tugas mengagihkan zakat terletak di bahu pemerintah. Pendapat ini dipegang oleh al-Kasani, al-Sarakhsi dan Ibn 'Abidin (Al-Kasani, t.th, Al-Sarakhsi, 1986, dan Ibn 'Abidin, 1984). Malah, al-Sarakhsi memberikan definisi *amil* dengan begitu ringkas sekali, iaitu orang yang mengutip zakat dan orang yang mengutip satu persepuluh (Al-Sarakhsi, 1986).

Memandangkan fuqaha mazhab Hanafi hanya membataskan tugas *amil* pada urusan kutipan zakat semata-mata, maka terdapat kemungkinan bahawa upah atau bayaran yang perlu diberikan kepada orang yang mengagihkan zakat diambil daripada wang baitulmal (*ushr*, *kharaj* dan sebagainya) yang diperuntukkan untuk maslahat umum.

Zakat yang diperuntukkan untuk asnaf *amil* adalah terhad untuk pihak-pihak yang terlibat dengan urusan pengutipan sahaja dan tidak harus diberikan kepada pihak yang terlibat dengan urusan pengagihan. Oleh itu, penyelidik ingin menegaskan semula bahawa al-Kasani dan fuqaha klasik mazhab Hanafi yang lain memang membataskan pentafsiran *amil* kepada orang yang dilantik untuk mengutip zakat semata-mata.

3.2.2 *Mazhab Maliki*

Amil ialah pengutip (*jab*) dan pengagih (*mufarriq*) (Al-Dusuqi, t.th). Bahagian pengutip termasuklah pemegang harta (*al-qabid li al-sadaqah*), manakala pembahagi (*al-qasim*), jurutulis (*al-katib*) dan pengumpul harta (*al-hashir*) termasuk dalam bahagian pengagih zakat (Al-Dusuqi, t.th).

Walaupun bagaimanapun, fuqaha mazhab Maliki menegaskan bahawa penggembala (*ra'i*) dan pengawal (*haris*) tidak termasuk dalam golongan *amil* (Al-Dusuqi, t.th). Al-Qurthubi (t.th.) menyatakan *amil* adalah pengutip zakat dan mengagihkannya. Upah *Amil* dibayar berdasarkan kepada apa yang dikerjakannya.

3.2.3 *Mazhab Shafi'i*

Amil ditakrifkan sebagai mereka yang dilantik untuk mengambil zakat daripada orang yang diwajibkan zakat ke atasnya (Al-Shafi'i, t.th). Mereka termasuklah peronda (*al-sa'i*), jurutulis (*al-katib*), pembahagi atau pengagih (*al-qassam*), pengumpul harta (*al-hashir*), ketua kampung atau penghulu (*al-'arif*), akauntan atau juru kira-kira (*al-hasib*) dan penjaga harta (*hafiz al-mal*) (Al-Shafi'i, t.th & Al-Nawawi, 2001).

Terdapat beberapa golongan yang terlibat dalam urusan hal ehwal zakat tetapi tidak dibenarkan untuk mengambil atau menerima zakat. Antaranya ialah khalifah, sultan, pemerintah tertinggi dan gabenor. Pemberian untuk golongan ini diambil daripada harta *al-khums* seperti *fay'* dan *ghanimah* yang diperuntukkan untuk maslahat umum. Selain golongan pemerintah, orang yang menjadi tanggungan pemberi zakat seperti juru timbang (*al-kayyal* dan *al-wazzan*) dan juru kira binatang (*'add al-ghanam*) tidak berhak menerima zakat daripada bahagian asnaf *amil*. Sebaliknya, upah mereka hendaklah diberikan daripada harta pemilik tersebut (Al-Shafi'i, t.th & Al-Nawawi, 2001).

3.2.4 *Mazhab Hanbali*

Amil ialah pengutip zakat (*al-jubah*) dan penjaganya (*al-hafiz*). Ia juga boleh diertikan sebagai mereka yang dihantar oleh imam atau pemerintah untuk mengutip zakat daripada sumber-sumbernya, mengumpul dan menyimpannya serta memindahkannya termasuklah, sesiapa sahaja yang telah membantu mereka untuk memacunya (binatang ternakan yang diambil sebagai zakat) dan membelanya serta membawanya.

Mereka termasuklah juru tulis (*al-katib*), juru timbang (*al-kayyal* dan *al-wazzan*), juru bilang (*al-'addad*) dan sesiapa sahaja yang diperlukan dalam urusan zakat. Hal ini seperti Rasulullah SAW menghantar pengutip zakat sebagai upah atas tugas yang telah dijalankan, seperti yang berlaku kepada 'Umar, Abu Musa dan lain-lainnya (Ibn Qudamah, 2004). Ibn Qudamah juga menjelaskan bahawa pemerintah dibenarkan untuk melantik *amil* bagi melakukan kedua-dua tugas kutipan dan agihan ataupun salah satu daripada keduanya (Ibn Qudamah, 2004). Kenyataan ini menunjukkan bahawa tugas *amil* bukan sahaja terhad kepada mengutip zakat semata-mata, malah turut merangkumi tugas mengagihkan zakat.

Berdasarkan pandangan yang dikemukakan oleh para fuqaha dalam mentafsirkan *amil*, bolehlah dirumuskan bahawa terdapat pelbagai pentafsiran yang diberikan untuk asnaf ini. Sebagai pihak yang mempunyai hubungan langsung dengan pembayar dan penerima zakat, *amil* perlulah mendapat

tauliah atau pelantikan rasmi daripada pihak pemerintah. Hal ini kerana menurut mazhab Hanafi, Shafi'i dan Hanbali unsur pelantikan atau pentauliah dalam pentafsiran mereka tentang *amil* zakat perlu ditekankan. Hal ini bagi memastikan bahawa urusan zakat berada di bawah seliaan pemerintah bagi menjamin ketelusan mereka ketika menjalankan tugas. Pada masa yang sama, perkara ini dapat mengelakkan mana-mana pihak mengambil kesempatan mengutip atau meminta-minta zakat daripada orang ramai.

Para fuqaha sependapat bahawa tugas utama *amil* ialah mengutip zakat. Walau bagaimanapun, hanya mazhab Maliki yang menyatakan secara jelas dalam pentafsirannya bahawa *amil* juga bertanggungjawab untuk mengagihkan zakat. Manakala mazhab Hanafi, Shafi'i dan Hanbali langsung tidak menyebutkan tugas pengagihan dalam pentafsiran *amil*. Namun begitu, para fuqaha al-Shafi'iyyah telah menyatakan secara tidak langsung dalam ulasan tentang orang yang berhak menerima zakat bahawa pengagih (*al-qasim*) juga boleh menerima zakat.

Mazhab Hanbali pula mengharuskan pemerintah melantik *amil* untuk melakukan kedua-dua tugas mengutip dan mengagih zakat. Hal ini bermaksud, mereka mengakui bahawa pengagihan merupakan sebahagian daripada tugas *amil*. Bagi menjelaskan lagi tafsiran tersebut, ditunjukkan di sini titik persamaan dan perbezaan antara pandangan mereka dalam jadual berikut.

Jadual 1. Aspek Pentafsiran *Amil* Menurut Fuqaha Klasik

Aspek	Hanafi	Maliki	Shafi'i	Hanbali
Pentauliah/pelantikan	/	x	/	/
Mengutip zakat	/	/	/	/
Mengagihkan zakat	X	/	/	/
Menjaga/menyimpan zakat	X	x	x	/
Memindahkan zakat	X	x	x	/
Semua pihak yang membantu	/	x	x	/

Ringkasnya, semua mazhab mengakui bahawa *amil* bertanggungjawab untuk mengutip zakat, manakala bagi tugas agihan zakat pula, jumah fuqaha yang terdiri daripada fuqaha Maliki, Shafi'i dan Hanbali mengakui bahawa *amil* juga bertanggungjawab untuk mengagihkannya.

Kesimpulannya, hanya fuqaha Hanafi telah memberikan pentafsiran *amil* yang agak jelas berbanding mazhab yang lain manakala Maliki memberikan pentafsiran yang lebih luas tetapi amat ringkas. Walaupun Hanafi memberikan pentafsiran yang agak panjang lebar untuk *amil*, namun pentafsirannya

terbatas kepada tugas mengutip zakat semata-mata tanpa dikaitkan dengan urusan pengagihan.

Menurut mazhab Hanafi, *amil* hendaklah diberikan zakat daripada harta yang dikutipnya sendiri dan bukannya daripada himpunan zakat yang dikutip oleh *amil-amil* lain. Ia juga menetapkan bahawa pemberian ini hendaklah dilakukan oleh imam atau pemerintah yang melantiknya. Pemberian itu juga hendaklah mencukupi bagi menampung segala kos dalam urusan kutipan zakat. Malah, semua orang yang terlibat dalam urusan mengutip zakat layak untuk menerima zakat daripada bahagian asnaf *amil*. Mazhab-mazhab lain pula mempunyai pandangan yang agak berbeza tentang petugas yang layak menerima zakat daripada bahagian *amil*. Perkara ini ditunjukkan dengan jelas dalam jadual berikut:

Jadual 2. Kelayakan Menerima Zakat Di Bawah Asnaf *Amil*

Peringkat Kerja	Petugas	Hanafi	Maliki	Shafi'i	Hanbali
Prakutipan	Pemerintah (<i>al-imam / al-sultan</i>)	-	-	x	-
	Ketua kabilah / ketua kampung (<i>al-'arif</i>)	-	-	/	-
	Tukang kumpul barang (<i>al-hashir</i>)	-	/	-	-
Semasa kutipan	Semua pembantu <i>amil</i> dalam urusan kutipan	/	-	-	/
	Tukang kira binatang (<i>'add al-ghanam</i>)	-	-	x	/
	Juru kira (<i>al-hasib</i>)	-	-	/	-
	Juru timbang (<i>al-kayyal / al-wazzan</i>)	-	-	x	/
	Pemandu (<i>al-sa'iq</i>)	-	-	-	/
	Pengutip zakat (<i>al-qabid li al-sadaqah/ al-sa'i</i>)	-	/	/	-
	Juru tulis (<i>al-katib</i>)	-	/	/	/
Pasca kutipan	Penggembala (<i>ra'i</i>)	-	x (bukan <i>amil</i>)	-	/
	Penjaga (<i>haris</i>)	-	x (bukan <i>amil</i>)	-	-
	Penjaga harta (<i>hafiz al-mal</i>)	-	-	/	/
	Tukang pikul (<i>al-hamil</i>)	-	-	-	/
	Pengagih (<i>al-qasim</i>)	-	/	/	/

Sumber: Mazhab Hanafi: Al-Kasani, *Bada'ic al-Sana'ic*, jld. 2, hlm. 903; Al-Sarakhsi, *Al-Mabsut*, jld. 3, hlm. 9; Ibn 'Abidin, *Hashiyah Ibn 'Abidin*, jld. 2, hlm. 640. Mazhab Maliki: Al-Dusuqi, *Hashiyah al-Dusuqi*, jld. 1, hlm. 495. Mazhab Shafi'i: Al-Shafi'i, *Ma'wasu'ah al-Imam al-Shafi'i*, *Al-Kitab: Al-Umm*,

jld. 4, hlm. 264; Al-Nawawi, *Rawdat al-Talibin*, jld. 2, hlm. 313; Mazhab Hanbali: Ibn Qudamah al-Maqdasi, *Al-Sharh al-Kabir*, jld. 2, hlm. 694.

Nota:

- **Simbol “ / ”** : Petugas-petugas yang dinyatakan dengan jelas oleh fuqaha setiap mazhab bahawa seseorang itu layak menerima zakat di bawah asnaf *amil*.
- **Simbol “ x ”** : petugas yang tidak layak menerima zakat.
- **Simbol “ – ”** : Petugas yang tidak dinyatakan dengan jelas tentang kedudukannya dalam asnaf *amil*.

3.3. DEFINISI AMIL MENURUT TAFSIRAN KONTEMPORARI

Pandangan kontemporari secara umumnya menyatakan bahawa *amil* merupakan orang yang bertanggungjawab untuk mengutip dan mengagihkan zakat. Penerangan lanjut adalah seperti berikut :

Yusuf al-Qaradawi menyatakan bahawa *amil* yang diperuntukkan dalam al-Quran merujuk kepada semua orang yang bertugas dalam organisasi pentadbiran hal ehwal zakat. Mereka termasuklah para pengutip, penyimpan, pengawal, juru tulis, juru kira-kira yang bertugas menyemak hasil pendapatan dan perbelanjaan serta para pengagih yang bertugas mengagihkannya kepada orang yang berhak.


Al-Qaradawi seterusnya mencadangkan supaya struktur baru organisasi pentadbiran zakat dibahagikan kepada dua jabatan utama iaitu jabatan kutipan zakat dan jabatan agihan zakat. Pembahagian ini selaras dengan pentafsiran *amil* yang diberikan dan bertujuan untuk meningkatkan tahap profesionalisme setiap kakitangan dalam jabatan-jabatan berkenaan supaya pengurusan harta zakat dapat dilaksanakan dengan cekap dan telus (Al-Qaradawi, 1999).

Menurut Fiqh Manhaji, *Amil* ialah pekerja yang berjawatan dan pemungut hasil yang ditugaskan oleh pemerintah untuk mengumpul dan mengagihkan zakat. Mereka ini diberikan ganjaran yang setimpal dengan tugas yang dilakukan, dan tidak boleh lebih daripada itu. Malah tidak harus memberi mereka nisbah tertentu daripada jumlah hasil pungutan mereka. Hal ini adalah kerana tidak terdapat dalil yang mensyari'atkan demikian. Mereka hanya pekerja upahan dan wajarlah diberikan upah yang setimpal dengan tugas mereka (Mustafa al-Khin, 2005)

Wahbah al-Zuhayli menyatakan bahawa *amil* ialah mereka yang berulang-alik (*al-su'ah*) untuk mengutip zakat. Walaupun pentafsirannya hanya tertumpu

kepada urusan kutipan zakat, namun apabila mengulas tentang asnaf ini, beliau turut memasukkan pengagih zakat (*al-qasim*) ke dalam kumpulan *amil* (al-Zuhayli, 1997). Kaedah yang digunakan oleh beliau untuk membezakan antara orang yang layak dengan tidak layak menerima zakat di bawah asnaf *amil* adalah seperti rajah berikut:

Rajah 1. Pihak Yang Layak Menerima Zakat Di Bawah Asnaf *Amil*:



Berdasarkan rajah di atas, orang yang terlibat secara langsung dalam urusan kutipan dan agihan zakat layak untuk menerima zakat di bawah asnaf *amil*. Walau bagaimanapun, orang yang terlibat dalam urusan prakutipan adalah menjadi tanggungan pembayar zakat. Mereka adalah seperti juru kira yang bertugas untuk membuat kira-kira aset dan liabiliti seseorang bagi mengenal pasti jumlah yang perlu dikenakan zakat.

Terdapat kecenderungan di kalangan ulama kontemporari untuk memberikan istilah baru bagi asnaf *amil*. Contohnya, al-Qaradawi yang menamakannya sebagai Badan Pentadbiran dan Perbendaharaan Zakat (Al-Qaradawi, 1999). Al-Ashqar pula menamakannya sebagai Jabatan Pengurusan Perbendaharaan Zakat (Umar Sulayman Al-Ashqar, 2000). Istilah yang digunakan ini sebenarnya diambil daripada istilah yang telah digunakan oleh Imam Shafii dalam kitabnya *al-Umm* (Al-Shafii, t.th). Ia disebut sebagai Jabatan Pengurusan Zakat (Al-Shafii, t.th) dan telah diguna semula oleh ulama kontemporari. Penggunaannya sebagai tajuk satu kertas kerja penting yang dibentangkan dalam seminar zakat sedunia iaitu Seminar Keempat Hal Ehwal Zakat Kontemporari di Bahrain pada 31 Mac 1994 (Umar Sulayman Al-Ashqar, 2000) telah mempopularkan semula penggunaan istilah ini. Kesimpulannya, ulama kontemporari sependapat bahawa *amil* merupakan orang yang ditugaskan untuk mengutip dan mengagihkan zakat.

3.4. DEFINISI AMIL MENURUT NEGERI-NEGERI DI MALAYSIA

Definisi *amil* yang ditetapkan oleh negeri-negeri di Malaysia dikumpulkan dalam jadual 3 di bawah:

Jadual 3. Definisi amil yang ditetapkan di Malaysia

Bil.	Negeri	Pengertian
1	Pulau Pinang	<i>Amil</i> ialah Orang yang terlibat secara langsung dengan institusi zakat bagi mengurus dan mentadbir hal ehwal zakat. (http://www.zakatpenang.com/index.php/info-asnaf/jenis-asnaf)
2	Selangor	<i>Amil</i> ialah pihak yang dilantik oleh Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) bagi mewakili DYMM Sultan untuk menjalankan tugas-tugas pengurusan zakat meliputi pungutan dan agihan. (http://www.e-zakat.com.my/info-agihan/asnaf-zakat/)
3	Kedah	<i>Amil</i> ialah pihak yang dilantik oleh K.D.M.M Tuanku Sultan untuk menjalankan tugas-tugas pengurusan zakat meliputi pungutan dan agihan. (http://www.zakatkedah.com/index.php/agihan-zakat)
4	Sarawak	<i>Amil</i> ialah Orang yang dilantik atau pekerja-pekerja (kakitangan) yang boleh dipercayai mengurus hal ehwal zakat, mengumpul dan membahagikan kepada yang berhak menerimanya sesuai dengan Hukum Syarak. (http://www.tbs.org.my/www/?page=101)
5	Melaka	<i>Amil</i> ialah Individu atau institusi yang terlibat secara langsung dengan institusi zakat sama ada mengurus dan mentadbir hal ehwal pungutan, pengagihan atau yang mengawasi urusan kewangan zakat. (https://www.maim.gov.my/index.php/my/organisasi/sektor-baitulmal/2019-03-27-07-45-34/contact/asnaf-zakat-program/amil)
6	Terengganu	<i>Amil</i> ialah individu atau organisasi yang dilantik oleh MAIDAM yang bertanggungjawab menjalankan kerja-kerja urusan pungutan dan agihan zakat. (http://maidam.gov.my/index.php/ms/siapa-penerima-zakat)
7	Negeri Sembilan	<i>Amil</i> ialah Mereka yang dilantik secara langsung oleh pemerintah dan ulul amri sama ada individu atau organisasi bagi mengurus dan mentadbir hal ehwal zakat termasuk

- pemungutan, pengagihan, pengurusan kewangan dan sebagainya.
<https://www.mains.gov.my/v2/zakat/agihan/agihan-dan-kewajipan>
- 8 Johor *Amil* ialah Individu atau institusi yang terlibat secara langsung dengan institusi zakat sama ada mengurus dan mentadbir hal ehwal pungutan, pengagihan atau yang mengawasi urusan kewangan zakat.
<https://www.maij.gov.my/agihan/takrif-asnaf>
- 9 Pahang *Amil* ialah Orang Islam atau institusi yang dilantik oleh Majlis bagi mewakili KDYMM Sultan untuk menjalankan tugas-tugas pemungutan dan pengagihan zakat secara khusus.
<http://www.muip.gov.my/v3/index.php/jenis-asnaf/asnaf-amil>
- 10 Perlis *Amil* ialah mereka yang terlibat secara langsung dengan institusi zakat samada individu atau organisasi bagi mengurus dan mentadbir hal ehwal zakat termasuk urusan pemungutan, agihan, urusan kewangan dan sebagainya.
<http://maip.perlis.gov.my/index.php/component/content/article/2-uncategorised/22-asnaf>
- 11 Perak *Amil* ialah mereka yang terlibat secara langsung dengan institusi zakat samada individu atau organisasi bagi mengurus dan mentadbir hal ehwal zakat termasuk pungutan, agihan, urusan kewangan dan sebagainya.
(Garis Panduan Umum Agihan Zakat Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Perak)
- 12 Kelantan *Amil* ialah Mereka yang terlibat secara langsung dengan Institusi zakat samada individu atau organisasi bagi mengurus dan mentadbir hal ehwal zakat termasuk pemungutan, agihan, urusan kewangan dan sebagainya.
http://www.emaik.my/public_new/index.php?option=com_content&view=article&id=306&Itemid=1164
- 13 Wilayah Persekutuan *Amil* ialah Mereka yang terlibat secara langsung dengan institusi zakat samada individu atau organisasi bagi mengurus dan mentadbir hal ehwal zakat termasuk pemungutan, agihan, urusan kewangan dan sebagainya.
<https://www.maiwp.gov.my/i/index.php/en/2015-11-20-07-49-26/takrif-asnaf>

- 14 Sabah *Amil* ialah Seorang yang dilantik oleh Majlis Ugama Islam Sabah (MUIS) bagi memungut zakat di dalam Negeri Sabah mengikut hukum Syarak.
https://appszakat.sabah.gov.my/agihan_asnaf.php
- 15 JAWHAR *Amil* ialah individu atau institusi yang terlibat secara langsung dengan institusi zakat sama ada mengurus dan mentadbir hal ehwal pungutan, pengagihan atau yang mengawasi urusan kewangan zakat.
<https://www.jawhar.gov.my/zakat-dan-sumber-am/pengenalan-zakat/>
-

Berdasarkan jadual di atas, dapat dirumuskan bahawa kebanyakan negeri-negeri di Malaysia mendefinisikan *amil* sebagai individu atau institusi yang terlibat secara langsung dengan institusi zakat sama ada mengurus dan mentadbir hal ehwal pungutan, pengagihan atau yang mengawasi urusan kewangan zakat.

4. KESIMPULAN

Definisi *amil* telah dibincangkan secara terperinci dan dibahasakan dengan teliti oleh ulama terdahulu dan ulama kontemporari. Berdasarkan definisi-definisi yang telah dianalisa melalui kajian ini, dapat disimpulkan bahawa definisi *amil* adalah berbeza-beza mengikut mazhab kerana setiap mazhab meneliti aspek yang berlainan untuk menetapkan definisi *amil*. Berdasarkan konteks di Malaysia, merujuk kepada definisi yang telah ditetapkan oleh negeri-negeri, *amil* secara umumnya bermaksud individu atau institusi yang terlibat secara langsung dengan institusi zakat sama ada mengurus dan mentadbir hal ehwal pungutan, pengagihan atau yang mengawasi urusan kewangan zakat.

5. PENGHARGAAN

Kami ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada pihak Institut Fatwa dan Halal (IFFAH) kerana membiaya sepenuhnya kajian ini di bawah Geran Penyelidikan Pusat Tanggungjawab (PTJ) USIM, dengan tajuk Pembangunan Modul Profesional Dan Kompetensi Amil Zakat Institut Pengajian Tinggi (IPT) Di Universiti Sains Islam Malaysia, Kod Penyelidikan PPPI/PTJ/IFFAH/USIM/15723. Ketua penyelidik juga ingin merakamkan penghargaan kepada ahli kumpulan penyelidik kajian ini atas kerjasama yang diberikan.

6. RUJUKAN

- Abdul Majid M. Z. (2003), *Pengurusan Zakat*. Dewan Bahasa dan Pustaka
- Al-Ashqar, 'Umar Sulayman. (2000). *Idarah Wali Amwal al-Zakah*, dlm .*Abhath Fiqhiyyah fi Qadaya al-Zakat al-Mu'asarah*. Jordan: Dar al-Nafa'is.
- Al-Dusuqi. (t.t). *Hashiyat al-Dusuqi 'Ala al-Sharh al-Kabir*. t.tpt.: 'Isa al-Babi al-Halabi wa Shurakah
- Al-Kasani, Abu Bakr bin Mascud bin 'Ala' al-Din al-Hanafi. (t.t). *Bada'i al-Sana'i Fi Tartib al-Shara'i*. Kaherah: Zakariyya 'Ali Yusuf
- Al-Khin, Mustafa; Al-Bugha, Mustafa; Al-Syarbaji, Ali. (2005). *Fiqh Al-Manhaji: Manhaj Fiqh As-Syafie*. Jilid II. Kuala Lumpur: Prospecta Printers Sdn. Bhd.
- Al-Nawawi, Abu Zakariyya Yahya Ibn Syarf. (2001). *Rawdat al-Ṭalibin wa 'Umdat al-Muftin*. Beirut: Al-Maktab al-Islami.
- Al-Qaradawi, Y. (1999). *Fiqh al-Zakah: Dirasah Muqaranah li Ahkamiha wa Falsafatiha fi Daw' al-Qur'an wa al-Sunnah*. Beirut: Mu'assasat al-Risalah.
- Al-Qurtubi, Mohammad Ibn Ahmad Ibn Abu Bakr al-Ansari. (t.t), *Jami' al-Ahkam al-Qur'an*, j.8, Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Al-Sarakhsi, Muhammad Ibn Ahmad Ibn Abi Sahl Abu Bakr. (1986). *Al-Mabsut*. Beirut: Dar al-Ma'rifah.
- Al-Shafi'i, Muhammad Ibn Idris. (t.th). *Mawsu'ah al-Imam al-Shafi'i*, Al-Kitab: Al-Umm. t.tp: Dar Qutaybah.
- Al-Zuhayli, Wahbah (1997), *Fiqh Islami wa Adillatuh*, c.4, j. 3, Damsyik: Dar al-Fikr.
- Bahagian Zakat dan Fitrah, Majlis Ugama Islam Sabah. (n.d). *Takrif Asnaf*. Diakses pada 9 Januari 2024 daripada https://appszakat.sabah.gov.my/agihan_asnaf.php

Ibn 'Abidin. (1984). *Radd al-Muhtarcala al-Durr al-Mukhtar al-Macruf bi Hashiyah Ibn 'Abidin al-Shami* (Edisi 2). Pakistan: Maktabah Majidiyah.

Ibn Manzur, Muhammad bin Makran Ibn Manzur al-Afriqi al-Misri (1996), *Lisan al- 'Arab*, Beirut: Dar al-Bayrut.

Ibn Qudamah al-Maqdisi. (2004). *Al-Mughnī Yālihī al-Sharh al-Kabīr*. t.tp: Dar al-Kitab al-'Arabi

Ibrahim Mustafa (1985), *Mu'jam al- Wasit*, j. 2, Istanbul: Maktabah Islamiyyah
Kamus Dewan. (2010). (Edisi Keempat).Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.

Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Terengganu (n.d). *Siapa Penerima Zakat*. Diakses pada 9 Januari 2024, daripada <https://www.maidam.gov.my/index.php/siapa-penerima-zakat>

Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (n.d). *Agihan dan Kewajipan*. Diakses pada 9 Januari 2024, daripada <https://www.mains.gov.my/v2/zakat/agihan/agihan-dan-kewajipan>

Tabung Baitulmal Majlis Islam Sarawak (n.d). *Asnaf*. Diakses pada 9 Januari 2024, daripada <http://www.tbs.org.my/www/?page=101>

Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (n.d). *Pengenalan Zakat*. Diakses pada 9 Januari 2024, daripada <https://www.jawhar.gov.my/zakat-dan-sumber-am/pengenalan-zakat/>

Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (n.d). *Takrif Asnaf*. Diakses pada 9 Januari 2024, daripada <https://www.maiwp.gov.my/i/index.php/en/2015-11-20-07-49-26/takrif-asnaf>

Penafian

Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.